

Lembaran Pendedahan Produk

Snatch Medz+ Group Personal Accident

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan pampasan bagi kerugian atau kerosakan barangan peribadi, kehilangan wang tunai dan kecederaan anggota badan yang disebabkan sepenuhnya oleh keganasan, kemalangan, kesan luaran dan nyata yang mengakibatkan kematian atau kehilangan upaya kekal.

2. Siapakah yang boleh diinsuranskan?

Semua warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap, Pemegang Pas Pelajar atau Pemegang Pas Pekerjaan/ Pemegang Permit Kerja yang bekerja secara sah di Malaysia berumur di antara enam belas (16) dan tujuh puluh (70) tahun.

3. Apakah perlindungan / faedah yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

Manfaat		Jumlah Diinsuranskan (Rm)		
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
1.0	Kematian	600,000	400,000	300,000
2.0	Kehilangan Upaya Kekal	600,000	400,000	300,000
3.0	Indemniti Berganda	1,200,000	800,000	600,000
4.0	Bonus Pembaharuan Tiada Tuntutan	10% kenaikan Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal untuk kematian atau Kehilangan Upaya Kekal bagi setiap tahun tertakluk kepada maksimum 50%		
5.0	Perbelanjaan Perubatan	7,000	6,000	5,000
	5.1 Rawatan Perubatan Alternatif	500	500	500
6.0	Pendapatan Hospital Harian	180	110	110
7.0	Kecurian Ragut	5,000	4,000	3,000
	7.1. Kehilangan Wang Tunai Yang Dikeluarkan dari Mesin Juruwang Automatik (ATM)			
	7.2 Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi			
	7.3 Transaksi Tanpa Kebenaran eWallet Touch 'n Go dan/atau Akaun Bank			
8.0	Elaun Perkabungan	10,000	10,000	10,000
9.0	Perlindungan Pinjaman Kenderaan akibat Kematian	sehingga 75,000	sehingga 45,000	sehingga 30,000
10.0	Kesulitan Perjalanan Domestik	4,000	3,000	2,000
	10.1 Pemendekan Perjalanan			
	10.2 Kehilangan Deposit atau Pembatalan			

Nota: Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk maklumat lanjut mengenai manfaat dan perlindungan.

Nota:

- Manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).
- Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk ciri dan manfaat lengkap produk.

4. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pilihan Pembaharuan?

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui Polisi anda setiap tahun.

5. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu dibayar bergantung kepada pelan pilihan anda dan keperluan pengunderaitan kami.

	Amaun (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Premium Tahunan (termasuk Cukai Perkhidmatan)	696.60	561.60	410.40

Termasuk didalam premium	Amaun (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	161.25	130.00	95.00

Nota: Kadar premium adalah tertakluk kepada perubahan semasa pembaharuan, ia berbeza bergantung kepada pengalaman tuntutan anda.

6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Termasuk didalam premium	Amaun
Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium

7. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan**
Kontrak Insurans Pengguna
 Selaras dengan Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda mesti mengambil perhatian yang sewajarnya untuk memastikan bahawa semua jawapan anda kepada soalan-soalan adalah penuh, lengkap, betul dan jujur dan pengetahuan terbaik anda. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam maklumat yang diberikan kepada kami sebelum kami mengeluarkan Polisi kepada anda sebelum anda memperbaharui atau mengubah mana-mana terma Polisi anda. Jika tidak, Polisi anda mungkin dibatalkan, atau diperlakukan seolah-olah tidak pernah wujud, atau tuntutan anda ditolak atau tidak dibayar sepenuhnya.
- Perubahan Risiko**
 Jika pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa apa-apa perubahan akan berlaku secara material dari mana-mana fakta yang wujud pada tarikh cadangan, anda hendaklah dalam masa tujuh (7) hari memberi notis secara bertulis kepada kami dan membayar premium tambahan sekiranya perlu.
- Tunai sebelum Perlindungan**
 Premium penuh mesti dibayar sebelum tarikh kuat kuasa Polisi.
- Bayaran Premium**
 Bayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Bayaran Dalam Talian (mana-mana berkenaan) kepada Berjaya Sampo Insurans Berhad. Tolong simpan resit premium yang dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan pada masa hadapan.
- Prosedur Tuntutan**
 Notis bertulis harus diberi kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Anda boleh mengemukakan tuntutan anda dengan menghantar e-mel kepada customer@bsompo.com.my atau mengunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

Hanya kematian atau Kehilangan Upaya Kekal akan dibayar jika anda tinggal atau melancong di luar Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand selama lebih dari sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

Dokumen Diperlukan untuk Transaksi Tanpa Kebenaran e-Wallet:

- Aduan bertulis yang dibuat kepada Touch 'n Go yang mengandungi butiran lengkap transaksi tanpa kebenaran;
- Penyata transaksi Touch 'n Go dengan Nama Diinsuranskan;
- Salinan laporan polis;
- Penyata bank/kad kredit yang mengandungi butiran transaksi dengan Nama Diinsuranskan;
- Semua maklumat dan bukti dokumen lain yang mungkin kami perlukan.

Dokumen Diperlukan untuk Transaksi Tanpa Kebenaran Akaun Bank:

- Aduan bertulis yang dibuat kepada Bank yang mengandungi butiran lengkap transaksi tanpa kebenaran;
- Salinan laporan polis;
- Penyata bank yang mengandungi butiran transaksi dengan Nama Diinsuranskan;
- Semua maklumat dan bukti dokumen lain yang mungkin kami perlukan.

Dokumen Diperlukan untuk tuntutan yang difailkan oleh orang yang diinsuranskan dengan Pekerjaan Berbahaya :

- Surat bertulis daripada pegawai memerintah atau penyelia insured untuk mengesahkan bahawa dia tidak bertugas semasa kemalangan berlaku;
- Salinan kejadian atau laporan polis;
- Jadual cuti atau bertugas yang disahkan;
- Semua maklumat lain dan bukti dokumen yang mungkin kami perlukan.

8. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak meliputi kerugian yang dikecualikan secara khusus di bawah Polisi ini, contohnya, kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan yang sedia ada, membunuh diri atau percubaan untuk membunuh diri, kecederaan yang disengajakan dan anda dibawah pengaruh alkohol atau dadah dan lain-lain.

Polisi ini tidak melindungi Pekerjaan Berbahaya berikut, apabila Anda sedang bertugas pada masa kejadian yang boleh dituntut berlaku.

- a) Operasi perkhidmatan Tentera Laut, Tentera atau Tentera Udara
- b) Krew udara
- c) Ahli Sukan Profesional
- d) Krew Kapal dan Penyelam Profesional
- e) Polis / Polis Trafik
- f) Joki
- g) Bomba
- h) Pekerja Limbungan

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian

9. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi kami notis bertulis. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium minimum sebanyak RM60.00, dan membayar balik premium pro-rata kepada anda. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dikembalikan jika terdapat tuntutan yang dibayar atau dikemukakan kepada kami semasa tempoh Polisi.

10. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat peribadi bagi memastikan segala komunikasi dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada pejabat cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan atau mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Insurans Kemalangan Diri, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami pada waktu operasi dari 8:30 pagi hingga 5:00 petang (Isnin – Jumaat) di 03-2170 7300 atau Talian Bebas Tol kami seperti yang terdapat di bawah halaman ini.

12. Jenis produk insurans am lain yang boleh didapati?

Snatch Guard Plus dan Snatch Shield Plus.
Sila layari www.cimb.com.my untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KEHILANGAN UPAYA KEKAL DALAM POLISI ANDA.

ANDA MESTILAH MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA TERSEBUT MENYEDARI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA PEROLEHI. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN LANGSUNG MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT. ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah ringkasan ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat yang tepat yang terpakai dinyatakan di dalam Kontrak Polisi.

Berjaya Sampo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula dari November 2024.